

10/09/1998

Umno Tanjung, Bagan nyatakan pendirian

GEORGETOWN, Rabu - Umno bahagian Tanjung menyokong sebulat suara keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti dan Perdana Menteri serta apa juga keputusan yang diambil Majlis Tertinggi (MT) parti.

Ketua Umno bahagian Tanjung, Ahmad Ibnu Hajar, berkata Umno bahagian itu juga turut memberi sokongan padu kepada sebarang keputusan yang dibuat Badan Perhubungan Umno negeri di bawah pimpinan Datuk Mohamad Shariff Omar.

Menurutnya, sokongan itu tidak dapat dimaklumkan lebih awal kerana ketika mesyuarat badan perhubungan itu diadakan di sini Ahad lalu, dia dalam perjalanan ke Kuala Lumpur.

"Keputusan yang dicapai oleh mesyuarat pada 4 September lalu sepatutnya dinyatakan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri Ahad lalu.

"Walaupun saya tidak hadir pada mesyuarat itu, timbalan serta naib ketua saya turut serta dan yang penting keputusan pada petang Ahad lalu itu dicapai sebulat suara," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Ahmad berkata, penjelasan berhubung sokongan kepada Dr Mahathir itu perlu dibuat untuk mengelakkan sebarang kekeliruan berbangkit daripada ketidakhadirannya pada mesyuarat badan itu.

Sementara itu, Umno bahagian Bagan mengemukakan memorandum rayuan kepada Dr Mahathir supaya menerima semula Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam Umno.

Umno bahagian itu yang menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri juga merayu Perdana Menteri dapat menimbangkan semula keputusan melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Memorandum hasil mesyuarat bahagian itu kelmarin turut mencadangkan Anwar diterima semula sebagai ahli parti serta mengisi semula jawatan yang dipegangnya sebelum ini sehingga keputusan mahkamah dicapai.

Memorandum yang ditandatangani Setiausaha Umno bahagian Bagan, Abdul Latiff Majid itu dihantar kepada Perdana Menteri oleh Ketua Umno bahagian itu, Datuk Latiff Mirasa.

Antara lain memorandum itu menyatakan:

"Umno bahagian Bagan amat dekat dan menyokong kedua-dua pemimpin yang kami kasihi dan adalah amat sukar antuk kami mengeneipkan isu ini.

"Kami tidak pernah sangsi di atas kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Presiden parti seperti yang terbukti dalam sejarah pemilihan parti pada 1987 yang mana Umno bahagian Bagan dijadikan pusat gerakan Dr Mahathir di Pulau Pinang.

"Anwar adalah tokoh yang berjasa kepada Umno, khususnya orang Melayu Pulau Pinang dan negara Malaysia, amnya.

"Oleh kerana Umno bahagian Bagan berasa masih ada ruang untuk mewujudkan perpaduan dalam Umno dan di kalangan orang Melayu, kami ingin merayu dan mengusulkan supaya MT dapat menimbang semula keputusan yang dibuat terhadap Anwar dan menerima beliau kembali ke dalam Umno."

(END)